

Matematik Pengguna: Simpanan dan Pelaburan, Kredit dan Hutang

3.1 Simpanan dan Pelaburan

MESTI TAHU

1. Simpanan wang ialah lebihan wang yang disimpan di tempat yang selamat seperti bank, tabung simpanan atau peti besi.
2. Pelaburan ialah penggunaan wang untuk membeli instrumen pelaburan untuk mendapatkan keuntungan pada masa hadapan.

A. Kenal pasti jenis simpanan berdasarkan pernyataan berikut.

CONTOH

Pemegang akaun ini boleh mengeluarkan wang simpanannya pada bila-bila masa sama ada melalui mesin teller automatik (ATM), menggunakan kad debit atau di kaunter.

Akaun simpanan

1. Encik Aizat mengeluarkan wang sebanyak RM1 000 menggunakan mesin teller automatik (ATM) di sebuah stesen minyak berhampiran dengan rumahnya. Apakah akaun yang digunakan oleh Encik Aizat?

2. Untuk membuka akaun simpanan ini, bagi bank-bank yang besar seperti Maybank, kebiasaannya pemohon perlu mendapatkan seorang perujuk untuk menyokong pembukaan akaun ini.

3. Pemegang akaun ini akan diberi sijil simpanan setelah menyimpan wang di dalam akaun jenis ini.

B. Kenal pasti jenis pelaburan berdasarkan pernyataan berikut.

CONTOH

Syarikat Cendana telah menerbitkan 10 000 unit saham berharga RM2.00 seunit bagi mendapatkan suntikan modal untuk mengembangkan operasinya di Kedah.

Saham

1. Puan Norlin telah membeli 300 unit syer Syarikat Maju Berkat dengan harga RM1.80 seunit.

2. Puan Dija telah membeli satu unit rumah teres dengan harga RM210 000 dan menyewakannya.

3. Pada Januari 2018 yang lalu, Puan Nadiah telah membeli 1 000 unit amanah dari Syarikat Kuat.